

9690 Pelajar UniMAP Terima Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)



Seramai 9,690 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) layak menerima Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) melibatkan peruntukan sebanyak RM2,425,000.00. Majlis simbolik penyerahan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin di Kampus Kubang Gajah.

Baucar buku ini diberikan kepada semua pelajar Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah yang berkelayakan. Setiap pelajar layak untuk menerima RM 250 seorang. Pemberian BB1M adalah bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku selain memupuk minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.